



GIATMARA SENDIRIAN BERHAD

## KENYATAAN SEBUTHARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO SEBUT HARGA	TAJUK KERJA	KOD BIDANG	TARIKH PENJUALAN DOKUMEN	HARGA SENASKHAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
GM 400/KK/01/2021	CADANGAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (24 JAM) TANPA SENJATA DI IBU PEJABAT GIATMARA, KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH DUA (2) TAHUN	220801	22/02/2021 Hingga 01/03/2021	RM5.00	05/03/2021 (Sebelum 12.00 Tengah Hari)  Sebutharga yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan

- Pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih **sah** tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen:-
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA**
  - Sijil asal Akuan Pendaftaran Kontraktor **BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGANMALAYSIA**
  - Sijil asal **KEMENTERIAN DALAM NEGERI**

- Satu (1) salinan SIJIL ASAL di atas hendaklah dikemukakan untuk simpanan **GIATMARA** semasa mengambil dokumen. **GIATMARA** berhak menolak permohonan yang pada tanggapan GIATMARA ianya tidak layak. **Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen sebut harga bagi setiap sebut harga dan mengemukakan satu (1) tawaran sebut harga sahaja.**

- Hanya PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan bagi pengambilan dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN** dan **SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT** dan **SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pengesahan.

- Dokumen Sebutharga boleh diperolehi **pada waktu Pejabat (9.00 pagi – 12.30 tengahari)** di lokasi iaitu

4.1 **Wisma GIATMARA, No. 39, Jalan Medan Tuanku, 50300 Kuala Lumpur**

- Bayaran dokumen sebut harga boleh dibuat sama ada melalui tunai/wang pos atas nama **GIATMARA SDN. BHD.** Wang ini tidak akan dikembalikan. Semua kos yang berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah tanggungjawab pembekal.
- GIATMARA** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **GIATMARA** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
- Dokumen Sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan **No. Sebutharga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA SEPERTI ALAMAT DI BAWAH:-**

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF**  
Wisma GIATMARA,  
No. 39, Jalan Medan Tuanku,  
50300 Kuala Lumpur  
Tel: 03-2691 2690

Pada atau **sebelum** tarikh tutup sebut harga jam **12.00 tengahari**

- Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.giatmara.edu.my>

**Perhatian:** Adalah diingatkan bahawa prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan di bawah PKP hendaklah sentiasa dipatuhi bagi urusan sebut harga di atas.